

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 23 MAC 2018

MUKA SURAT: 27



PENGUAT KUASA DBKL merobohkan struktur sementara yang dibina oleh syarikat pemaju dalam Op Tapak di Jalan Gembira Kuchai Lama, Kuala Lumpur, kelmarin.

Pemaju pembinaan bina struktur haram dikompau RM72,000

KUALA LUMPUR 22 Mac— Syarikat pemaju di tapak pembinaan projek Jalan Gembira, Kuchai Lama di sini dikompau sebanyak RM72,000 dalam serbuan Op Tapak oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Osman Ismail berkata, pemaju terbabit didapati gagal memenuhi syarat kelulusan kerana mendirikan struktur tambahan di kawasan pembinaan secara haram.

Katanya, struktur sementara iaitu kantin, rumah kongsi pekerja dan pejabat sementara yang didirikan pemaju itu sepatutnya perlu terlebih dahulu diluluskan Jabatan Kawalan Bangunan DBKL supaya ciri keselamatannya menepati spesifikasi ditetapkan.

“Notis kompaun maksimum bernilai RM50,000 telah dikeluarkan di bawah Akta Jalan Parit

dan Bangunan 1974 serta kerja meroboh dinding struktur dibina juga telah diambil tindakan semasa operasi berlangsung.

“Pihak bomba juga telah mengeluarkan empat kompaun bernilai RM20,000 bagi kesalahan tidak membina salur naik dan ketiadaan pam pancur basah pada bangunan yang sedang dibina itu,” katanya kepada pemberita selepas Op Tapak di sini.

Operasi turut disertai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) yang masing-masing turut mengeluarkan kompaun atas pelbagai kesalahan.

Dalam pada itu Osman berka-



OSMAN ISMAIL

ta, pihaknya tidak akan memberi muka kepada mana-mana pemaju yang ingkar mematuhi syarat tempoh waktu operasi di tapak binaan.

Beliau berkata, buat masa ini waktu operasi syarikat pemaju di tapak pembinaan bermula dari pukul 7 pagi hingga 7 malam dan boleh dilanjutkan sehinggalah pukul 10 malam selepas mengambil kira jarak tapak dengan kawasan perumahan.

“DBKL akan meneruskan pemantauan pada setiap malam ke atas tapak-tapak binaan untuk memastikan kerja-kerja dijalankan pemaju tidak menimbulkan gangguan kepada orang ramai.

“Mana-mana pemaju yang ingkar arahan ini boleh dikenakan kompaun bernilai RM 50,000 di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974,” katanya.